

Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Berpusatkan Pelajar di Institusi Pengajian Tinggi:  
Pelaksanaan dan Penerimaan Pelajar  
(*Student Centered Learning in teaching and learning of Bahasa Melayu in Higher Education:  
Implementation and Acceptance Students*)

ALIZAH LAMBRI & ZAMRI MAHAMOD

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (P&P) berpusatkan pelajar yang boleh diamalkan oleh pensyarah dalam P&P Bahasa Melayu di Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Kajian berbentuk kualitatif ini melibatkan seorang pensyarah Bahasa Melayu (BM) dan 21 orang pelajar sebagai peserta kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa, pelajar seronok mengikuti pengajaran pensyarah yang menggunakan pendekatan berpusatkan pelajar. Pelajar turut menyatakan bahawa aktiviti P&P berpusatkan pelajar yang bersifat dua hala menyebabkan para pelajar sentiasa bersedia untuk mengikuti proses P&P BM. Selain itu, pelajar juga merasakan pendapat dan pandangan mereka lebih dihargai dan dihormati apabila adanya hubungan dua hala antara pensyarah dan pelajar. Diharapkan dapatan kajian ini dapat memberi pendedahan dan panduan kepada pensyarah Bahasa Melayu yang berminat untuk menggunakan pendekatan berpusatkan pelajar dalam pengajaran mereka. Perubahan dan pembaharuan dalam kaedah pengajaran diharapkan dapat meningkatkan lagi mutu dan kualiti para pensyarah ke arah amalan pendidikan yang lebih praktikal dan dinamik, khususnya dalam bidang Bahasa Melayu.

Kata kunci: P&P Bahasa Melayu, berpusatkan pelajar, P&P di IPT, penglibatan pelajar, pembelajaran dua hala.

ABSTRACT

*This study discusses the students-centered activities used by lecturers for teaching and learning of Bahasa Melayu in higher learning institution. This qualitative research involves a Bahasa Melayu lecturer and 21 students as the participants of the study. The findings indicate that the students enjoyed attending lectures that used student-centered approach in the classroom. They also shared that the students-centered activities which are bilateral has changed them to be more involved and enthusiastic in the process of teaching and learning of Bahasa Melayu. In addition, the students felt that their opinions and views are more valued and respected as there are bilateral relations between lecturer and students in the classroom. It is hoped that the findings of the study can help in providing exposure and guidance to Bahasa Melayu lecturers who are interested in using students-centered approach in their teaching. The changes and improvement in teaching methods are expected to improve the quality of lecturers towards a more practical and dynamic in educational practice especially in Bahasa Melayu field.*

*Keywords: Teaching and learning of Bahasa Melayu, student centered, teaching and learning in Higher Education Institution, student involvement, two-way learning.*

## PENGENALAN

Penggunaan sesuatu kaedah pengajaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) boleh mempengaruhi tahap keberkesanan sesebuah pengajaran (Tamam et al. 2010). Hal ini demikian kerana, strategi pengajaran yang digunakan oleh pensyarah akan memberi impak atau kesan kepada penerimaan pelajar, seterusnya boleh membawa kejayaan kepada pelajar. Pemilihan dan pelaksanaan sesuatu strategi pengajaran adalah amat penting bagi memastikan setiap aktiviti P&P yang dirancang dapat dilaksanakan. Menurut Abdul Rasid et al. (2009), antara punca pengajar Bahasa Melayu sentiasa berbalik kepada amalan pengajaran tradisional semasa mengajar adalah disebabkan oleh faktor persekitaran kelas dan ruang pembelajaran yang kurang memberangsangkan. Amalan pengajaran tradisional menyebabkan proses P&P Bahasa Melayu dilihat kurang menarik dan membosankan, justeru menyebabkan pelajar kurang berminat untuk mengikuti sesi P&P. Oleh yang demikian, pendekatan pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar (PBP) merupakan antara kaedah pengajaran yang disaran dapat dilaksanakan oleh pensyarah dalam proses P&P Bahasa Melayu. Dalam kajian ini, tumpuan diberikan terhadap pelaksanaan pendekatan PBP dalam konteks pelaksanaannya di institusi pengajian tinggi.

Proses P&P pada peringkat pengajian tinggi kebiasaannya didapati lebih cenderung menggunakan kaedah kuliah atau syarahan sebagai teknik pengajaran yang utama. Pengajaran secara kuliah kadangkala didapati membosankan hingga menimbulkan rasa mengantuk dalam kalangan pelajar. Tambahan lagi jika kelas berlangsung pada waktu petang atau selepas makan tengah hari. Menurut Steinert (1999) dan Cantillon (2003), kaedah kuliah jika disampaikan dengan baik boleh menjadi satu kaedah yang efisien, efektif dan dinamik untuk memperkenalkan tajuk atau konsep yang baharu. Menerusi kaedah kuliah, pensyarah juga dapat mengorganisasi idea yang kompleks, mempromosikan pemikiran kritikal dan juga dapat membangkitkan minat pelajar terhadap isi pelajaran atau topik yang sedang dipelajari.

Swanson & Tarraco (1995) dan Renner (1993) menyatakan bahawa, kuliah adalah kaedah pengajaran yang sangat popular terutama di institusi pengajian tinggi kerana mempunyai banyak kelebihan. Antara kelebihan tersebut termasuklah dapat memindahkan maklumat yang banyak pada masa yang singkat, membolehkan maklumat yang sukar diperolehi oleh pensyarah disampaikan secara langsung, membolehkan pensyarah mengawal sepenuhnya kandungan,

kepentasan, penyusunan dan arah maklumat yang disampaikan dan dapat melengkapkan aktiviti pembelajaran yang lain.

Namun, menurut Gibs dan Jenkins (1984), McKeachie (1999) serta Brown dan Monogue (2001), walaupun kaedah kuliah mempunyai banyak kelebihan, kaedah kuliah juga didapati mempunyai kelemahan. Antara kelemahan kaedah kuliah termasuklah boleh menyebabkan pelajar menjadi pasif. Hal ini kerana, ketika pensyarah menyampaikan kuliah, pelajar lazimnya didapati hanya menjadi pendengar, tidak melibatkan diri dalam proses P&P sehingga mengakibatkan tidak wujud komunikasi dua hala antara pensyarah dengan pelajar. Kaedah kuliah juga boleh menyebabkan pelajar terlalu bergantung kepada pensyarah dan sukar mengeluarkan pendapat atau idea mereka sendiri. Sehubungan itu, pendekatan PBP dilihat dapat dijadikan sebagai pendekatan atau kaedah pengajaran alternatif yang boleh digunakan oleh pensyarah bagi mengatasi kelemahan-kelemahan tersebut.

Secara amnya kajian ini bertujuan melihat pelaksanaan pendekatan pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar yang dilaksanakan oleh pensyarah Bahasa Melayu di institusi pengajian tinggi. Secara khusus objektif kajian adalah seperti berikut:

- i. Melihat pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu berpusatkan pelajar (PBP) yang diamalkan oleh pensyarah.
- ii. Mengenal pasti penerimaan pelajar terhadap pendekatan pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar (PBP) yang dilaksanakan dalam P&P Bahasa Melayu.

## KAEDAH DAN DATA KAJIAN

### Kaedah

Kajian ini merupakan sebuah kajian kes berbentuk kualitatif. Peserta kajian yang terlibat ialah seorang pensyarah Bahasa Melayu yang dipilih secara bertujuan. Selain itu, seramai 21 orang pelajar turut menjadi peserta kajian. Kaedah pemerhatian tidak turut serta dan temu bual separa berstruktur merupakan kaedah pengutipan data yang digunakan. Data yang diperolehi dianalisis mengikut tema yang dibentuk bagi tujuan menjawab soalan kajian yang dikemukakan.

Berikut merupakan soalan kajian bagi menjawab objektif kajian yang telah ditetapkan.

- i. Bagaimanakah pensyarah melaksanakan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu berpusatkan pelajar (PBP)?

- ii. Bagaimanakah penerimaan pelajar terhadap pendekatan pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar (PBP) yang dilaksanakan dalam P&P Bahasa Melayu?

#### Dapatan Pertama

Dapatan kajian yang pertama mendapati, kaedah kuliah masih lagi digunakan oleh pensyarah dalam P&P Bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, kaedah

berpusatkan pelajar (PBP) juga turut digunakan oleh pensyarah semasa proses P&P Bahasa Melayu berlangsung. Dapatan kajian mendapati, proses P&P berpusatkan pelajar yang dilaksanakan oleh pensyarah dapat dilihat bermula daripada peringkat set induksi, diikuti peringkat perkembangan dan diakhiri dengan sesi penutup. Jadual 1 menunjukkan aktiviti P&P berpusatkan pelajar yang dilaksanakan oleh pensyarah Bahasa Melayu di dalam kelas.

JADUAL 1. Aktiviti P&P Bahasa Melayu di dalam kelas

Peringkat P&P	Aktiviti Di Dalam Kelas	Kaedah
Induksi set	Soal jawab (pensyarah menyoal pelajar/pelajar bertanya kepada pensyarah)	PBP
	Sumbang saran	PBP
	Cetusan idea	PBP
Perkembangan	Pensyarah menyampaikan kuliah	Konvensional
	Soal jawab	PBP
	Pensyarah meminta pendapat pelajar	PBP
	Perbincangan secara berpasangan (koperatif)	PBP
	Interaksi Dua hala	PBP
	Pelajar bebas memberikan pendapat	PBP
	Simulasi	PBP
	Pelajar digalakkan mencari maklumat sendiri	PBP
	Perbincangan dalam kumpulan (kolaboratif)	PBP
	Belajar secara autonomi	PBP
	Menggunakan ICT (Kemahiran ICT)	PBP
	Aktiviti pembelajaran berasaskan masalah	PBP
	Pelajar tampil di hadapan untuk membenteng	PBP
Penutup	Soal jawab	PBP
	Sumbang saran	PBP
	Minta pendapat/pandangan pelajar	PBP
	Membuat kesimpulan P&P	Konvensional

Sementara itu, data pemerhatian pula menunjukkan pada peringkat permulaan pengajaran, aktiviti soal jawab merupakan aktiviti PBP yang kerap kali digunakan oleh pensyarah dalam pengajarannya. Contohnya seperti catatan pemerhatian berikut:

#### Contoh 1: Data Pemerhatian Di Dalam Kelas

Pemerhatian: PK menjelaskan tajuk pelajaran yang akan dibincangkan pada hari ini. Induksi set dimulai dengan aktiviti menyoal pelajar dan mengaitkan pengalaman pelajar dengan tajuk pembelajaran.

PK: Kamu pernah bercinta ke Hafiz?

P: Ya pernah.

PK: Pernah?

P: Aisyah pernah

PK: Kalau kita bercinta, kalau kita bercinta, kalau kamu bercinta, kamu ye bukan kita, kalau kamu bercinta apa perasaan yang wujud dalam diri kamu? Apa yang wujud?

Pemerhatian: Pelajar mula menunjukkan respons terhadap pertanyaan PK. Walau bagaimanapun, jawapan pelajar tidak dapat didengar dengan jelas. [P15, M5, KA]

Daripada catatan pemerhatian tersebut jelas menunjukkan berlakunya aktiviti soal jawab semasa proses P&P berlangsung. Pada peringkat awal pengajaran, pensyarah didapati menyoal pelajar dan mengaitkan pengalaman pelajar dengan isi pelajaran yang disampaikan. Di samping itu, dapatan temu bual pelajar turut mendapati, pelajar mengakui bahawa aktiviti soal jawab merupakan antara aktiviti yang kerap

digunakan oleh pensyarah semasa P&P berlangsung. Misalnya:

#### Contoh Temu Bual Pelajar

Contoh 1: P: dia suka bertanya soalan kepada pelajar satu yang baik juga sebab apabila dia selalu buat macam tu pelajar itu akan berusaha untuk menumpukan sepenuh perhatian kepada proses pengajaran dia. Lepas tu, pelajar tu sendiri akan berusaha untuk mengambil maklumat, dia akan cuba mengingat apa yang diajar sebelum ni, sebab biasanya Dr. Siti ni dia tanya soalan pada akhir pengajaran, pada pertengahan pengajaran semua. Satu cara yang baik lah untuk pelajar ingat apa yang dia sampaikan. [Lan/TBK3/14/306-315]

Contoh 2: P: pensyarah tu kerap mengajukan soalan kepada pelajar, kita akan lebih bersedia untuk masuk ke kelas tu. Pelajar akan cuba membaca sesuatu sebelum masuk ke kelas sebagai persediaan apabila pensyarah tu mengajukan soalan. [Tika/TBK3/15/315-317]

Contoh 3: P: Kalau banyak soalan, banyak kita tahu kan? Tapi kadang-kadang kami, bagi saya lah rasa nervous, rasa takut bila Dr. tanya, tak tahu pula macam mana kan? Takut nak jawab. Dr. kan suka tanya soalan, kadang-kadang soalan tak jangka dalam pemikiran kita. Tak sure lah jawapan yang kita bagi tu Dr. setuju ke tak. Tapi, bagi saya Dr. buat macam tu dapat meningkatkan tahap kefahaman kita dan motivasi kita lah untuk menjawab soalan tu. [Atul/TBK5/11/232-240]

Contoh 4: P: kaedah tersebut sangat bagus bagi pelajar-pelajar yang mungkin kurang menumpukan perhatian di dalam kelas. Mungkin saya sendiri pernah mengalami situasi seperti tersebut dan agak terkejut. Dan sebenarnya ia mengajar kita supaya lebih fokus dalam kelas lah. [Nurul/TBK6/15/331-336]

Contoh 5: P: Tapi penyoalan kepada pelajar tu penting sebenarnya, cuma tu lah, bila Dr. nak tanya je mesti akan ada perasaan takut dalam diri pelajar. [Ika/TBK6/16/350-352]

Melalui aktiviti soal jawab, para pelajar dilihat lebih bersedia untuk mengikuti sesi pembelajaran. Hal ini demikian kerana, pelajar bimbang sekiranya mereka tidak bersedia, mereka tidak dapat menjawab pertanyaan yang diajukan oleh pensyarah. Pelajar

juga didapati memberi sepenuh perhatian terhadap pengajaran pensyarah. Oleh itu, secara tidak langsung, dapatan ini menunjukkan pelajar tertarik dengan kaedah pengajaran yang digunakan oleh pensyarah, khususnya menerusi kaedah soal jawab.

Pada peringkat perkembangan, walaupun pada permulaan pensyarah menyampaikan kuliah berdasarkan slaid Power Point, namun kuliah tersebut turut diselang-selikan dengan aktiviti PBP seperti soal jawab, sumbang saran, perbincangan secara berkumpulan atau berpasangan, serta aktiviti simulasi. Di samping itu, ada ketika pelajar juga diberi peluang untuk menyanyi dan berdebat bergantung kepada topik pengajaran yang dibincangkan pada hari tersebut. Sehubungan dengan itu, dapatan kajian ini mendapati bahawa, walaupun pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu pada peringkat IPT masih lagi menggunakan kaedah konvensional, khususnya menggunakan kaedah kuliah, namun, kaedah pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar turut digunakan oleh pensyarah. Pensyarah didapati menggunakan pendekatan PBP bertujuan untuk menarik minat pelajar dan mewujudkan suasana pembelajaran yang aktif di dalam kelas. Pelajar turut menyatakan bahawa pensyarah mereka telah berjaya melaksanakan PBP dalam P&P Bahasa Melayu. Berikut merupakan dapatan temu bual pelajar.

#### Contoh Temu Bual Pelajar

Contoh 1: P: Dr. ni dia berjaya lah melaksanakan pengajaran berpusatkan pelajar di dalam kelas. Dia memberikan peluang kepada pelajarannya untuk melakukan perbincangan dan mengadakan sesi soal jawab dan sumbang saran. [Atul/TBK5/40/901-905]

Contoh 2: P: Dr. ni berjaya menggunakan kaedah P&P berpusatkan pelajar, kerana melalui kelas yang saya ikuti selama 12 minggu ni, saya rasa memang banyak Dr. ni melibatkan pelajar dalam sistem pengajarannya. [Nurul/TBK6/59/1344-1348].

Selain aktiviti di dalam kelas, aktiviti PBP yang dilaksanakan oleh pensyarah turut melibatkan tugas di luar kelas. Dapatan kajian menunjukkan bahawa, kaedah pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar tidak hanya terikat di dalam kelas. Sebaliknya, boleh dilaksanakan menerusi tugas yang diberikan kepada pelajar. Jadual 2 berikut menjelaskan tugas yang perlu dilaksanakan oleh pelajar:

JADUAL 2. Tugas pelajar

Tugasan	Aktiviti	Kaedah
Individu	Pembinaan blog	Konstruktivisme Kontekstual Inkuiri
Berpasangan	Kajian lapangan	Kontekstual Inkuiri
Berkumpulan	Projek drama digital	Konstruktivisme Kontekstual Inkuiri

Untuk kursus ini terdapat tiga tugas yang perlu dilaksanakan oleh pelajar, iaitu tugas secara individu, berpasangan dan berkumpul. Ketiga-tiga tugas ini menggunakan pendekatan PBP yang mana para pelajar bertanggungjawab sepenuhnya terhadap tugas yang diberikan oleh pensyarah. Pensyarah hanya menjadi pembimbing kepada pelajar. Manakala, pelajar pula memainkan peranan utama untuk melaksanakan tugas yang diberikan. Para pelajar diberi autonomi untuk merancang sendiri tugas mereka, menentukan sendiri ahli kumpulan masing-masing dan diberi kepercayaan untuk melaksanakannya. Pensyarah hanya memantau dan berperanan sebagai fasilitator kepada pelajar. Berikut merupakan temu bual pelajar yang menyatakan tentang pelaksanaan aktiviti PBP yang telah dilaksanakan dalam P&P Bahasa Melayu:

#### Contoh Temu Bual Pelajar

Contoh 1: P: ...berpusatkan pelajar..melalui tugas dia yang kedua, iaitu tugas blog. Melalui tugas blog tu dia cakap yang kami kena buat tugas blog, tapi dia tak ajar macam mana nak buat blog, macam mana nak hias semua tu. Lepas tu kami, kami sendiri yang pergi cari maklumat untuk membuat blog. [Ekin/TBK4/8/156-162]

Contoh 2: P: Drama tu sebelum ni memang tak pernah berlakon, jadi usaha pelajar sendiri juga untuk macam mana nak menjayakan watak tu, macam mana nak edit semua tu, macam mana nak ambil gambar dari sumber tertentu, semua tu pelajar yang berusaha untuk lakukan. [Sharifah/TBK4/8/169-174]

Contoh 3: P: Macam berpusatkan pelajar ni, contoh lah kalau macam tutorial pembinaan blog, kita tak tahu macam mana nak bina, saya sendiri memang saya mengaku memang saya tak ada blog, jadi bila diberi tutorial ataupun diajar untuk mengenai pembinaan

blog, lepas tu diajar pula oleh kakak-kakak senior, jadi maknanya saya boleh mengikuti maknanya berpusatkan pelajar, maknanya tahap pemahaman untuk membina blog tu dapat saya ikutilah langkah demi langkah. [Mawi/TBK8/11/243-252]

Contoh 4: P: Bagi saya tugas pasangan tu yang sangat-sangat mencabar, sebab dari segi pengurusan masa lah menyebabkan saya rasa sukar untuk laksanakan dan idea. Untuk tugas pasangan ni pun dia lebih merujuk kepada kajian-kajian luar, tapi saya mungkin agak kabur di situ lah dari segi menyelesaikan tugas itu lah. [Fiq/34/762-767]

Setiap tugas yang diberikan kepada pelajar bukan hanya sekadar memenuhi keperluan kursus, tetapi juga turut mendedahkan kepada para pelajar untuk belajar berdikari dan bertanggungjawab terhadap pembelajaran mereka. Selain itu, tugas yang diberikan juga dapat membantu meningkatkan kemahiran insaniah pelajar daripada segi kemahiran sosial dan komunikasi. Menurut Yussof et al. (2008) pendidikan di universiti bukan hanya bertujuan untuk menggalakkan perkembangan mental dan rohani dalam kalangan pelajar sahaja, malah turut merangkumi usaha mengasah kemahiran mereka bagi memenuhi tuntutan kerja profesional dan teknikal ke arah pembangunan ekonomi negara.

#### Dapatan Kedua

Seterusnya, dapatan kajian kedua mendapati para pelajar seronok mengikuti P&P berpusatkan pelajar dan menunjukkan sikap yang positif terhadap kaedah berpusatkan pelajar yang diamalkan oleh pensyarah. Data temu bual berikut menunjukkan maklum balas pelajar terhadap kaedah berpusatkan pelajar yang diamalkan oleh pensyarah.

### Contoh Temu Bual Pelajar

Contoh 1: P: secara jujurnya lah pada pandangan saya sendiri, saya lebih gemarkan pendekatan yang digunakan Dr. Siti sebab dia tidak hanya, di dalam kelas... dia tidak, bukan dia seorang sahaja yang berperanan tapi dia juga memberi peranan kepada pelajar-pelajar untuk sama-sama membantu dia...membantu beliau dalam proses P&P itu sendiri. Maksudnya, ada komunikasi antara dua hala. [Azie/TBK1/43-44/978-985]

Contoh 2: P: saya lebih suka berpusatkan...macam ni lah..ha, melibatkan pelajar dan guru. Jadinya, pelajar tu tak adalah pasif sahaja ketika proses P&P itu dijalankan. [Ziha/TBK1/44/988-990]

Contoh 3: P: saya lebih suka jika pembelajaran tu lebih kepada pelajar itu sendiri. Tapi, jika berpusatkan kepada pensyarah itu sendiri, pelajar ni dia cuma mendengar, dia macam tak kondusif. Jadi lebih kepada pelajar tapi pensyarah tu yang akan memandu pelajar tu sendiri. [Tina/TBK2/38/853-858]

Contoh 4: P: Sal lebih suka pengajaran berpusatkan pelajar kerana berpusatkan pelajar ni menggunakan pelbagai deria, mata telinga, tangan semu bergerak. Pergerakan semua, semua kena bersedia, bukan sekadar untuk mendengar saja pensyarah memberikan input-input. [Sal/TBK2/38/861-865]

Contoh 5: P: saya lebih suka proses P&P yang lebih kepada berpusatkan pelajar sebab kalau tengok sekiranya proses P&P tu hanya berpusatkan hanya pada pensyarah saja, bermakna graduan tu sendiri tidak belajar benda yang baru. Mereka hanya menerima dan hanya mengeluarkannya untuk peperiksaan sahaja. Tapi kalau berpusatkan pelajar, dia bukan sahaja memberikan satu ilmu baru kepada pelajar, tapi membuatkan pelajar tu menepati kehendak ciri-ciri kemahiran insaniah yang perlu disediakan dalam diri mereka yang mana mereka perlu berkomunikasi, perlu mempunyai kemahiran berfikir yang baik dan perlu bersedia lah untuk melontarkan idea walau bagaimana keadaan sekali pun. [Razif/TBK3/73-74/1664-1675]

Contoh 6: P: Bagi saya sendiri saya lebih suka P&P yang berpusatkan pelajar, sebab P&P yang berpusatkan pelajar ni, dia meletakkan sendiri kepada pelajar itu untuk dia macam mana untuk dia menjalankan sesi P&P tu. Di sini, pensyarah itu cuma bertindak sebagai pembimbing atau fasilitator, jadi pelajar ini dia tidak tersekat untuk menyelesaikan masalah atau memberikan pendapat. Dari situ tahap pemikiran atau

kemampuan pelajar untuk berdikari atau mencari maklumat akan lebih berkembang jika dibandingkan dengan konvensional yang hanya berpusat kepada pensyarah [Lan/TBK3/74/1678-1688]

Contoh 7: P: saya lebih memilih kepada P&P berpusatkan pelajar, sebab menjadikan diri saya lebih aktif dan untuk mencari maklumat apa semua tu, semua bergantung pada saya,. Kalau pembelajaran konvensional ni, kita hanya menerima pensyarah hanya memberi suapan, jadi pelajar tu macam kurang mendapat maklumat lah. [Tika/TBK3/75/1693-1698]

Contoh 8: P: Kalau saya proses pembelajaran yang demokratik lah antara dua hala antara pensyarah dengan pelajar. Pelajar bagi pendapat, pensyarah pun bagi pendapat. Bukannya berpusatkan pelajar semata-mata, kadang-kadang berpusatkan pelajar semata-mata ni boleh memberi kita masalah juga. [Ekin/TBK4/37/823-828]

Contoh 10: saya memang setuju P&P berpusatkan pelajar sebabnya kalau pensyarah tunjuk slide je dalam masa dua jam tu memang boring [Ekin/TBK4/37/840-842]

Contoh 11: Kalau yang berpusatkan pelajar tu saya suka juga, kalau yang konvensional pun saya juga sebab saya boleh dengar pensyarah tu berikan kuliah, berikan pendapat beliau sendiri. Proses P&P berpusatkan pelajar ni perlu juga diterapkan. [Sharifah/TBK4/37/834-838]

Contoh 12: memang semestinya lah pilih yang dua hala sebabnya macam saya sendiri bila adanya pembelajaran dua hala ni, tak mengantuk. ....Maknanya kalau Dr. menggunakan pendekatan konvensional memang kami tak belajar lah. [Izah/TBK5/39/872-878]

Contoh 13: Bagi saya dua hala lebih baik. Bila dua hala, macam contoh Dr. kan selalu bertanya, jadi kita yang mengantuk ni jadi segar, tak jadi nak tidur, bersedia lah untuk disoal, dapat meningkatkan motivasi [Atul/TBK5/39/880-883]

Contoh 14: Semestinya pembelajaran berpusatkan pelajar lah. Kalau konvensional tu rasa seperti kami menadah telinga tanpa dapat peluang untuk menyuarakan pendapat. [Ika/TBK6/58/1318-1320]

Contoh 15: pembelajaran berpusatkan pelajar ni lebih baik daripada konvensional sebenarnya. Sebab berpusatkan pelajar ni dia lebih melibatkan pelajar itu bersuara, jadi secara tidak langsung pelajar itu dapat

meningkatkan komunikasi mereka antara kawan-kawan, pensyarah dan masyarakat sekelilingnya. [Nurul/TBK6/58-59/1323-1328]

Contoh 16: saya bersetuju dengan pembelajaran secara berpusatkan pelajar, sebab memberi banyak kesan positif kepada pelajar. Namun, secara konvensional mungkin juga kita boleh gunakan, tapi mungkin tidak sepenuhnya dalam proses P&P tu sendiri. [Julie/TBK6/59/1330-1334]

Contoh 17: saya lebih suka memilih proses P&P yang berpusatkan pelajar lah. Bila berpusatkan pelajar, sepenuhnya melibatkan pelajar, Dr. sendiri sebagai pembimbing, sebagai fasi lah kita kata, bila berpusatkan pelajar, suasana kelas tu dah lain dah, jadi aktif, jadi bising. Bising tu bukan bising kosong, tapi bising yang ada isi lah. Kalau berpusatkan pensyarah saja kita hanya mendengar, mendengar je. [Leez/TBK7/64/1451-1458]

Contoh 18: Saya juga memilih proses P&P berpusatkan pelajar. Pertamanya sebab tidak membosankan lah, ...dari segi soal jawab pun, pelajar yang tanya, pelajar yang jawab. Di situ akan ada satu situasi yang menyeronokkan lah, kita berkongsi dengan rakan-rakan, pensyarah hanya bertindak sebagai pembimbing, mana yang perlu diperbaiki, diperbaiki. Maknanya di situ akan ada satu usaha dalam diri pelajar untuk menjadi yang lebih baik, tidak hanya menerima. [Ed/TBK7/65/1467-1476]

Contoh 19: saya lebih suka pembelajaran berpusatkan pelajar. Sebab sebagai pelajar mereka tidak hanya perlu menerima, tetapi mereka juga perlu menyumbang sesuatu kepada proses pengajaran dan pembelajaran [Afiq/TBK8/55/1233-1236]

Contoh 20: di peringkat universiti ni, perlukan kelainan. Maknanya saya rasa dalam pengajaran dan pembelajaran yang membabitkan berpusatkan pelajar itu sendiri maknanya lebih sesuai daripada satu hala lah yang aman pensyarah saja berperanan dalam sesuatu P&P. [Mawi/TBK8/55/1242-1247]

Contoh 21: saya rasa peranan pelajar dalam kelas tu lebih penting untuk membantu proses P&P berjalan dengan lancar. [Emah/TBK8/56/1250-1252]

Berdasarkan temu bual, kajian mendapati rata-rata pelajar menyatakan bahawa mereka seronok mengikuti sesi P&P yang menggunakan pendekatan PBP. Hasil kajian mendapati, para pelajar menunjukkan sikap yang positif terhadap pengajaran pensyarah.

Hal ini demikian kerana, pelajar merasakan dengan menggunakan kaedah P&P berpusatkan pelajar, peranan mereka lebih dihargai oleh pensyarah, mereka tidak hanya menjadi pelajar yang pasif yang mana hanya mendengar dan menerima apa sahaja yang diberikan oleh pensyarah, sebaliknya mereka diberi peluang untuk memberikan buah fikiran dan pandangan mereka sendiri. Dalam situasi PBP, pelajar didapati menghormati dan menerima pandangan yang dilontarkan oleh rakan-rakan mereka. Manakala, pensyarah pula didapati menerima sahaja setiap pandangan dan idea yang diberikan oleh pelajar.

Selain itu, pensyarah juga didapati memberi kepercayaan kepada pelajar untuk melaksanakan sendiri sesuatu projek yang ingin dilaksanakan oleh pelajar. Sikap terbuka pensyarah yang bersedia mengajar dan menerima pandangan pelajar juga menjadi faktor menyebabkan para pelajar lebih menggemari pendekatan PBP berbanding kaedah pengajaran konvensional. Di samping itu, suasana pembelajaran yang melibatkan interaksi dua hala juga telah melatih pelajar yang kurang bercakap untuk bercakap. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan kaedah P&P berpusatkan pelajar yang digunakan dalam P&P Bahasa Melayu dapat meningkatkan keyakinan diri pelajar dan kemahiran komunikasi mereka. Suasana pembelajaran yang aktif, ceria dan saling hormat-menghormati dapat membantu meningkatkan pemahaman pelajar terhadap isi pelajaran dan seterusnya dapat memupuk minat pelajar untuk mengikuti sesi P&P Bahasa Melayu.

## HASIL DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan dapatan kajian, pengkaji mendapati terdapat pelbagai kaedah, teknik dan aktiviti PBP yang boleh dilaksanakan dalam P&P Bahasa Melayu, khususnya pada peringkat pengajian tinggi. Dalam kajian ini, kaedah dan aktiviti PBP yang dilaksanakan dalam P&P Bahasa Melayu ialah perbincangan, penyoalan, simulasi, sumbang saran, penyelesaian masalah, aktiviti berkumpulan, permainan, pembelajaran berasaskan masalah, projek dan kaedah inkuiri-penemuan. Menurut Zamri (2012), kaedah-kaedah PBP tersebut telah pun dikaji keberkesanannya dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, untuk melaksanakan PBP, terdapat pelbagai kaedah, aktiviti dan teknik yang boleh digunakan oleh para pensyarah. Justeru, bergantung kepada kebijaksanaan para pendidik Bahasa Melayu untuk memikirkan bagaimana kaedah-kaedah tersebut boleh diaplikasikan dalam pengajaran mereka.

Dapatan kajian ini berbeza dengan dapatan

kajian Nurahima et al. (2013) yang mendapati bahawa, aktiviti PBP yang kerap kali digunakan oleh pensyarah di IPT sama ada di IPTA mahupun di IPTS ialah pembelajaran secara e-learning, PBL, kolaboratif dan koperatif, projek, kajian kes, dan inkuiri. Manakala aktiviti perdebatan merupakan aktiviti PBP yang jarang digunakan dan dilaksanakan dalam konteks P&P pada peringkat pengajian tinggi.

Dalam konteks P&P Bahasa Melayu, meskipun kebanyakan pensyarah memberikan pelbagai alasan untuk melaksanakan kaedah-kaedah PBP di dalam kelas kerana masih terikat dengan kaedah yang lama, iaitu kaedah 'chalk and talk', namun hakikat yang perlu diterima ialah pada abad ke-21 ini, kaedah pengajaran yang bercorak 'chalk and talk' tidak lagi relevan, apatah lagi pada peringkat pengajian tinggi. Hal ini demikian kerana, pelajar yang berada di institusi pengajian tinggi dianggap pelajar yang sudah dewasa dan matang. Menurut Natalie (2007), pengajaran yang sesuai untuk orang dewasa ialah kaedah pengajaran berpusatkan pelajar. Pelajar dewasa didapati lebih tekun di dalam kelas berpusatkan pelajar, berbanding di dalam kelas yang konvensional.

Kajian ini turut mendapati para pelajar memahami konsep asas pelaksanaan PBP dalam P&P Bahasa Melayu. Dapatan ini selari dengan dapatan kajian Hamdan Noor (2004) yang mendapati bahawa, sebahagian besar responden dalam kajian beliau memahami kepentingan pelaksanaan kaedah pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar dalam kursus yang mereka ikuti. Oleh hal yang demikian, pemahaman pelajar terhadap pelaksanaan PBP menyebabkan mereka lebih bersedia dan dapat menerima kaedah PBP yang dilaksanakan oleh pensyarah.

Pelaksanaan PBP dalam P&P Bahasa Melayu bukan hanya memberikan kesan positif terhadap pembelajaran pelajar, tetapi juga turut membantu menggalakkan perkembangan kemahiran insaniah pelajar, misalnya daripada aspek komunikasi. Menurut Ledia (2004), pelajar di IPT seharusnya memperluaskan diri mereka dengan kemahiran yang telah diajar agar sentiasa kompeten dan bersedia untuk memasuki alam pekerjaan. Penguasaan kemahiran insaniah menjadikan seseorang pelajar itu dapat menyesuaikan diri bukan sahaja dengan perkembangan dalam sektor pekerjaan, tetapi juga dalam menghadapi kehidupan seharian.

Kemahiran insaniah merupakan elemen penting yang perlu diketengahkan kepada pelajar supaya dapat bersaing dalam dunia pekerjaan pada masa akan datang. Para pelajar di IPT sangat dituntut untuk menguasai kemahiran insaniah selain cemerlang dalam akademik. Hal ini demikian kerana kebolehpasaran seseorang

graduan bukan sahaja bergantung pada pencapaian akademik, tetapi juga bergantung kepada kemahiran insaniah dan kemahiran praktikal (Mariana 2008). Justeru, adalah menjadi tanggungjawab IPT melahirkan pelajar yang memiliki kemahiran yang seimbang dan menyeluruh sama ada daripada aspek sikap, akhlak dan sebagainya, khususnya menerusi proses pengajaran dan pembelajaran. Dalam kajian ini, proses P&P berpusatkan pelajar didapati turut berupaya untuk menggalakkan perkembangan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar di IPT. Secara keseluruhannya dapatan kajian menunjukkan pelaksanaan PBP dalam proses pengajaran dan pembelajaran memberi kesan yang positif terhadap pembelajaran pelajar. Dapatan kajian ini hampir menyamai kajian Hany Ferdinando (2001), yang mendapati bahawa, pelaksanaan PBP terhadap pembelajaran pelajar memberikan dua kesan, iaitu positif dan negatif. Namun, dalam konteks kajian ini, kesan positif PBP terhadap pembelajaran pelajar dilihat lebih ketara berbanding kesan yang negatif.

## KESIMPULAN

Pelaksanaan PBP dalam P&P Bahasa Melayu telah mengubah persepsi pelajar terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu yang dikatakan membosankan kepada pembelajaran yang menyeronokkan. Dapatan kajian secara keseluruhannya didapati memberi implikasi terhadap bidang pendidikan Bahasa Melayu. Hal ini demikian kerana, menerusi pelaksanaan PBP, P&P Bahasa Melayu tidak lagi dilihat sebagai P&P yang statik dan membosankan. Pelbagai aktiviti P&P dapat dilaksanakan dan hal ini dapat menarik minat pelajar untuk mengikuti pembelajaran. Dapatan kajian ini jelas menunjukkan bahawa, pelaksanaan PBP dalam P&P BM telah memberi peluang kepada pelajar untuk belajar secara hands on, melaksanakan pelbagai aktiviti pembelajaran seperti lakonan, nyanyian, simulasi dan juga kajian lapangan. Walau bagaimanapun, kajian yang telah dilaksanakan ini hanya menggunakan pendekatan kualitatif, sampel yang kecil dan terbatas kepada satu lokasi kajian sahaja, justeru untuk kajian selanjutnya, dicadangkan sebuah kajian PBP dalam P&P Bahasa Melayu menggunakan pendekatan kuantitatif dengan menggunakan sampel dan populasi yang lebih besar dapat dilaksanakan. Dengan adanya kajian lanjutan pada masa akan datang, diharap dapat memperkembangkan lagi maklumat berkaitan pelaksanaan PBP dalam pendidikan Bahasa Melayu, khususnya PBP yang dilaksanakan pada peringkat pengajian tinggi. Demi menambah baik kualiti pendidikan di negara ini, para pengajar, khususnya



pengajar Bahasa Melayu perlu melakukan anjakan paradigma dan bersedia untuk membuat perubahan dan pembaharuan dalam menyampaikan pengajaran mereka agar dapat melahirkan pelajar yang mempunyai daya pemikiran yang tinggi, berfikiran kritis, kreatif dan rasional.

## RUJUKAN

- Abdul Rasid Jamian, Soaib Asimiran & Zakaria Kasa. 2009. Guru pelatih dan pelaksanaan aktiviti guru semasa menjalani latihan mengajar dalam pembentukan guru novis. *Prosiding Seminar Pengajaran Berkesan Teras Pembangunan Modal Insan*. Seminar Kebangsaan Jawatankuasa Penyelarasan pendidikan Guru 2009, 22-24 Disember 2009. Anjuran bersama UPSI dan Majlis Dekan-Dekan Fakulti Pendidikan IPTA (MDFPIPTA) Impiana Casuarina, Ipoh.
- Brown. G & Monouge, M. 2001. AMEE Medical Education Guide no 22: Refreshing lecturing: A guide for lecturer. *Medical Teacher* 23: 231-244.
- Cantillon, P. 2003. ABC of learning and teaching in medicine: Teaching large groups. *British Medical Journal* 236: 437-440.
- Gibbs, G. & Jenkins, A. 1984. Break up your lectures: Or christaller sliced up. *Journal of Geography in Higher Education* 8: 27-39.
- Juriah Long (pnyt.). 2010. *Kaedah pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- McKaeachie, W.J. 1999. *McKaeachie's Teaching Tips: Strategies, Research and Theory for College and University*. Boston: Houghton Mifflin Company.
- Natalie, R.D. 2007. Faculty knowledge of adult learning as predictors of success in community college preparatory Math. Tesis PhD. University of Florida.
- Nurahimah Mohd Yusoff, Abdul Malek Abdul Karim, Rohana Othman, Mohaida Mohin & Siti Azhani Abdull Rahman. Student-Centred Learning (SCL) in the Malaysian Higher Education Institutions. *Asian Journal of Teaching and Learning in Higher Education* 5 (2): 14-33.
- Tamam Timbang, Zamri Mahamod, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff & Jamaludin Badushah. 2010. Masalah membaca murid0murid sekolah rendah kerajaan di Brunei Darussalam: Satu kajian kes. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 35 (2): 77-85.
- Steinert, Y. 1999. Interactive lecturing: Strategies for increasing participation in large group presentation. *Med Tech* 21: 37-42.
- Yussof, I., Ismail, R. & Sidin, R. 2008. Graduan dan alam pekerjaan: Kes siswazah UKM. *Akademika* 72: 3-24
- Zalhisham Abdul Ghaizi & Norul Haida Reduzan. 2013. Strategi pengajaran guru bahasa Melayu sekolah rendah di sekolah luar bandar. *Prosiding Penyelidikan Bahasa Melayu*. Persidangan Antarabangsa Memartabatkan Bahasa Melayu Ke-2, 25-27 Oktober 2013, Anjuran bersama Fakulti Bahasa dan Komunikasi UPSI dan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kerajaan Negeri Perak. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Zamri Mahamod. 2004. Strategi pembelajaran bahasa Melayu pelajar cemerlang sekolah menengah. Tesis Dr. Falsafah, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zamri Mahamod. 2012. *Inovasi P&P dalam pendidikan Bahasa Melayu*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Zulkieflie Md. Aros. 2005. Strategi pengajaran bahasa Melayu berpusatkan pelajar di Sekolah Bestari Negeri Selangor Darul Ehsan. Kertas Projek Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Alizah Lambri (Puan)  
Jabatan Bahasa dan kesusasteraan Melayu,  
Fakulti Bahasa dan Komunikasi,  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
35900 Tanjong Malim Perak.  
E-mel: hawa\_nurhawa@yahoo.com

Zamri Mahamod (Prof. Dr.)  
Jabatan Inovasi Pembelajaran dan Pengajaran,  
Fakulti Pendidikan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600, Bangi Selangor. Malaysia  
E-mel: d\_zam@yahoo.com